

TERJEMAHAN DARIPADA KITAB  
**AL-TAQRIRAT AL-SADIDAH**  
**FI AL-MASAIL AL-MUFIDAH**

# RISALAH FIQH PUASA

(Menurut Pandangan )  
Mazhab Al-Syafii'i

*Karangan*

**SYEIKH HASSAN BIN MUHAMMAD BIN AHMAD ALKAF**



**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

# RISALAH FIQH PUASA

( Menurut Pandangan )  
Mazhab Al-Syafi'i

*Terjemahan daripada kitab*  
**AL-TAQRIRAT AL-SADIDAH**  
**FI AL-MASAIL AL-MUFIDAH**

Karangan  
**SYEIKH HASSAN BIN**  
**MUHAMMAD BIN AHMAD ALKAF**

Terjemahan dan Suntingan  
**HILMI BIN MARJUNIT**  
**AHMAD AMIRUDDIN BIN AHMAD SHUKRI**  
**NOR HANANI BINTI AHMAD**  
**NAIMAH BINTI MOHAMAD NASIR**



**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

# **Risalah Fiqh Puasa**

*(Menurut Pandangan Mazhab Al-Syafi'i)*

Buku Terjemahan Bab Puasa daripada kitab

***Al-Taqrirat al-Sadidah  
Fi al-Masail al-Mufidah***

**Karya Syeikh Hassan bin Ahmad bin  
Muhammad bin Salim al-Kaf**

**Cetakan Pertama 2023**

*Hak Cipta Terpelihara*

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

ISBN : 978-629-96889-1-4

*Terjemahan dan suntingan;*

**Bahagian Fatwa  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**

*Diterbitkan oleh;*

**Jabatan Mufti Negeri Selangor**

Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN

*muka  
surat*

<b>Prakata</b>	iii
<b>Bab 1: Pengertian dan Dalil Pensyariatan Puasa</b>	1
● Definisi Puasa	
● Dalil Pensyariatan Puasa	
● Sejarah Pensyariatan Puasa	
● Penamaan Bulan Ramadhan	
● Kelebihan Berpuasa	
<b>Bab 2 : Hukum-Hakam Berkaitan Ibadah Puasa</b>	5
● Pertama: Wajib Berpuasa	
● Kedua: Sunat Berpuasa	
● Ketiga: Makruh Berpuasa	
● Keempat: Haram Berpuasa	
● Persoalan Berkaitan Puasa	
<b>Bab 3 : Syarat Sah dan Syarat Wajib Puasa</b>	9
● Syarat Sah Puasa	
● Syarat Wajib Puasa	
<b>Bab 4 : Rukun-rukun Puasa</b>	13
● Perbezaan antara Niat Puasa Fardu dan Niat Puasa Sunat	
● Rukun Pertama: Niat	
● Rukun Kedua: Meninggalkan Semua Perkara yang Membatalkan Puasa	

<b>Bab 5: Perkara-perkara Sunat Puasa dan Ramadhan</b>	19
• 17 Perkara yang Sunat dilakukan Ketika Puasa dan Ramadhan	
<b>Bab 6: Perkara-perkara Makruh ketika Puasa</b>	23
• Lapan Perkara yang Makruh ketika Berpuasa	
<b>Bab 7: Perkara-perkara yang Membatalkan Puasa</b>	25
• Bahagian Pertama: <i>Muhbitat</i>	
• Bahagian Kedua: <i>Muftirat</i>	
• Kategori Orang Berbuka Puasa	
• Golongan yang wajib qada dan perlu <i>imsak</i> sehingga matahari terbenam	
• Keadaan yang tidak membatalkan puasa apabila memasukkan sesuatu objek ke dalam rongga melalui saluran yang terbuka	
<b>Bab 8: Kepelbagaian Isu Berkaitan Ibadah Puasa</b>	37

## Prakata

Segala puji dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang sentiasa melimpahkan taufiq dan hidayah-Nya sehingga kita masih lagi diberi nafas dan dipanjangkan usia dalam melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Alhamdulillah, sekali lagi saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana masih lagi dapat terbitkan Buku Terjemahan bab Puasa daripada kitab *Al-Taqrirat al-Sadidah Fi al-Masail al-Mufidah* yang dinamakan sebagai Risalah Fiqh Puasa Menurut Pandangan Mazhab al-Syafi'i. Terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan penyelidik Jabatan Mufti Negeri Selangor yang telah bertungkus-lumus mengusahakan terjemahan ini untuk manfaat masyarakat khususnya sebagai persediaan ilmu untuk menyambut bulan Ramadan.

Risalah Fiqh Puasa ini adalah terjemahan daripada kitab *Al-Taqrirat al-Sadidah Fi al-Masail al-Mufidah* karya Syeikh Hassan bin Ahmad bin Muhammad bin Salim al-Kaf, yang merupakan kitab fiqh kontemporari yang disusun bagi menjelaskan beberapa permasalahan fiqh mengikut Mazhab al-Syafi'i. Kitab *Al-Taqrirat al-Sadidah* dipilih untuk diterjemahkan kerana ia merupakan salah satu rujukan yang ringkas dan padat, mudah difahami serta sesuai dijadikan panduan untuk orang awam. Bahkan ia juga merungkai persoalan semasa bagi mereka yang ingin memahami fiqh Mazhab al-Syafi'i khusus dalam bab puasa. Buku terjemahan ini sangat bermanfaat dan sesuai digunakan untuk semua lapisan masyarakat keranauraian kitab ini dicedok daripada kitab-kitab para ulama muktabar Mazhab al-Syafi'i, bersesuaian dengan mazhab yang digunakan di Selangor khususnya dan di Malaysia amnya.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan *ahlan ya Ramadhan*, bulan yang penuh dengan pengampunan dan keberkatan yang tidak ada pada bulan-bulan lain. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman difardukan ke atas kamu berpuasa sebagaimana difardukan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwaa.”

Oleh itu, marilah kita sama-sama merebut peluang dan mengisi masa sepanjang bulan Ramadhan dengan memperbanyak bacaan al-Quran, *berqiamullail*, bersedekah, bertasbih, bertahmid serta beriktikaf sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.

Akhir kalam, semoga segala amalan dan ibadah yang kita lakukan diterima, direndai dan menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa dirahmati Allah SWT. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR**  
S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

# 1

## Pengertian dan Dalil Pensyariatan Puasa

### Definisi Puasa

Menurut bahasa, puasa ialah imsak (menahan). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT berhubung Saidatina Maryam dalam surah Maryam ayat 26:

إِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ الْيَوْمَ إِنِّيَّا

*Maksudnya: Sesungguhnya aku bernazar diam membisu kerana (Allah) al-Rahman; (setelah aku menyatakan yang demikian) maka aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapapun daripada kalangan manusia pada hari ini.*

Maksudnya daripada kata-kata Maryam adalah “aku bernazar menahan diri daripada bercakap”.

Dari segi syarak pula, puasa bermaksud menahan diri daripada segala perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari dengan niat yang khusus.

### Dalil Pensyariatan Puasa

Dalil pensyariatan puasa ialah firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ  
كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

*Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

## Sejarah Pensyariatan Puasa

Puasa mula menjadi fardu pada bulan Sya'ban tahun ke-2 Hijrah. Selain itu, Rasulullah SAW sempat berpuasa sebanyak sembilan kali Ramadhan dan kesemuanya sebanyak 29 hari melainkan sekali sahaja yang genap 30 hari.

## Penamaan Bulan Ramadhan

Bulan Ramadhan ialah bulan kesembilan daripada bulan-bulan Arab. Bulan Ramadhan ialah bulan yang paling mulia. Bulan ini dinamakan sebagai Ramadhan kerana dikatakan bahawa ketika orang Arab hendak meletakkan nama-nama bulan, kebetulan bulan ini bercuaca sangat panas. Oleh itu, mereka menamakannya sebagai Ramadhan yang berasal daripada perkataan *ramda'*, iaitu teramat panas. Ada juga pandangan yang mengatakan penamaan Ramadhan adalah kerana ia memanaskan dosa, iaitu membakarnya (menghapuskannya).

## Kelebihan Berpuasa

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadith yang menyatakan tentang kelebihan puasa. Antaranya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Haqqah ayat 24:

كُلُوا وَاشْرُبُوا هَنِيئًا بِمَا أَسْلَفْتُمْ فِي الْآيَاتِ الْخَالِيةِ

Maksudnya: Makan dan minumlah kamu makanan dan minuman sebagai nikmat yang lazat dan baik kesudahannya, dengan sebab (amal-amal soleh) yang telah kamu kerjakan pada hari-hari yang lalu (di dunia)!<sup>1</sup>

Selain itu firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 35:

وَالصَّيْمَانَ وَالصَّيْمَتِ وَالْحَفِظِينَ فُرُوحَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّكِيرَيْنَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّكِيرَاتِ أَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Maksudnya: Dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.

Dalam satu hadis qudsi, Allah berfirman yang bermaksud:

Setiap satu kebaikan diganjarkan dengan sebanyak 10 kali ganda sehingga 700 kali ganda kecuali puasa. Puasa hak Aku dan hanya Aku yang mengganjarinya.

**(Riwayat Malik dan al-Bukhari)**

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sesiapa yang berpuasa sehari di jalan Allah, Allah akan menjauhkannya daripada neraka Jahannam sejauh perjalanan 100 tahun.

**(Riwayat al-Nasa'i)**

---

<sup>1</sup> Berkenaan ayat ini, "Waki'" dan selainnya menyatakan bahawa ia adalah hari-hari puasa, iaitu hari ketika mereka meninggalkan makan dan minum.

Dalam hadis lain lagi, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:  
Orang yang berpuasa merasai dua kegembiraan: Iaitu tatkala dia berbuka puasa, dia berasa gembira dan tatkala dia menemui Allah kelak, dia gembira dengan amalan puasanya.

**(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)**

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:  
Diam orang yang berpuasa itu tasbih, tidurnya itu ibadah, doanya itu makbul dan amalannya itu digandakan.

**(Riwayat Al-Dailami)**

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:  
Puasa itu perisai dan kubu yang kuat (yang melindungi pelakunya) daripada api neraka.

**(Riwayat Ahmad)**

## Hukum-Hakam Berkaitan Ibadah Puasa

### Hukum-Hakam berkaitan Ibadah Puasa

Puasa terkait dengan empat hukum, iaitu wajib, sunat, makruh dan haram.

1. **Wajib berpuasa.** Hal ini berlaku dalam enam keadaan:
  - i. Puasa Ramadhan
  - ii. Puasa ganti kepada puasa wajib yang ditinggalkan (qada)
  - iii. Puasa kafarah, seperti kafarah zihar, bunuh atau bersetubuh pada siang hari di bulan Ramadhan
  - iv. Puasa membayar fidyah haji dan umrah sebagai ganti bagi sembelihan
  - v. Puasa untuk meminta hujan (*istisqa'*) sekiranya diperintahkan oleh pemerintah
  - vi. Puasa nazar

2. **Sunat berpuasa.** Ini adalah hukum asal bagi puasa dan ia terbahagi kepada tiga bahagian:
- i. Puasa sunat yang berulang setiap tahun. Antaranya ialah puasa hari Arafah,<sup>2</sup> puasa hari Tasu'a dan hari Asyura',<sup>3</sup> puasa hari ke-11 pada bulan Muharram, puasa enam hari di bulan Syawwal,<sup>4</sup> puasa pada Bulan-Bulan Haram (*Asyhur al-Hurum*),<sup>5</sup> puasa sembilan hari terawal bulan Zulhijjah dan sebagainya.
  - ii. Puasa sunat yang berulang setiap bulan. Antaranya ialah hari-hari putih<sup>6</sup> iaitu pada 13, 14, dan 15 hari bulan pada setiap bulan<sup>7</sup> dan hari-hari gelap<sup>8</sup> iaitu pada 28, 29 dan 30 hari bulan pada setiap bulan.<sup>9</sup>
  - iii. Puasa sunat yang berulang setiap minggu seperti puasa hari Isnin dan hari Khamis.

Sebaik-baik puasa sunat ialah puasa sehari dan tidak berpuasa pada keesokan harinya secara berulang-ulang. Inilah puasa Nabi Daud AS.

---

<sup>2</sup> Disunatkan puasa bagi orang yang tidak menunaikan haji sekiranya puasa tersebut tidak menyusahkan dirinya sebagai meneladani Rasulullah SAW dan demi menguatkan diri untuk beribadah. Sabda Rasulullah SAW berhubung kelebihan berpuasa pada hari Arafah: "Puasa hari Arafah ini sesungguhnya aku kira ia di sisi Allah sebagai penghapus dosa bagi tahun yang berikut dan tahun yang sebelumnya." Riwayat al-Tirmizi. Dalam riwayat Muslim: Selepas Nabi SAW ditanyakan tentangnya, baginda bersabda: "Menghapuskan tahun yang sebelum dan tahun yang berbaki."

<sup>3</sup> Hari yang Allah SWT selamatkan Nabi Musa AS. Berkenaan kelebihannya, Nabi SAW ditanyakan tentangnya lalu baginda bersabda: "Menghapuskan dosa tahun yang lalu." Riwayat Muslim.

<sup>4</sup> Yang afdal ialah berpuasa menuruti puasa Ramadhan, iaitu pada 2 Syawwal dan puasa enam hari itu juga dibuat secara berturutan. Sabda Rasulullah SAW berhubung kelebihan puasa enam hari bulan Syawwal: "Sesiapa yang berpuasa Ramadhan, kemudian berpuasa enam hari pada bulan Syawwal, maka seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun." Riwayat Muslim.

<sup>5</sup> Bulan-Bulan Haram (*Asyhur al-Hurum*) ada empat. Tiga daripadanya berturutan, iaitu Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram. Lagi satu ialah Rejab. Sabda Rasulullah SAW berhubung kelebihan puasa pada Bulan-Bulan Haram: "Sebaik-baik puasa selepas puasa Ramadhan ialah puasa pada Bulan-Bulan Haram dan sebaik-baik solat selepas solat fardhu ialah solat malam." Riwayat Muslim.

<sup>6</sup> Ia dinamakan sedemikian kerana terangnya pancaran bulan pada malam tersebut.

<sup>7</sup> Penterjemah: Kecuali 13 hari bulan Zulhijjah kerana ia termasuk dalam hari Tashriq yang diharamkan puasa.

<sup>8</sup> Ia dinamakan sedemikian kerana gelapnya malam tersebut. Sekiranya dalam satu bulan hanya 29 hari, maka puasa hari ketiga adalah pada 1 hari bulan yang berikutnya.

<sup>9</sup> Hikmah berpuasa pada hari-hari ini ialah menambahkan ibadah dalam satu-satu bulan.

3. **Makruh berpuasa.** Berpuasa pada hari Jumaat sahaja atau hari Sabtu sahaja atau hari Ahad sahaja adalah makruh hukumnya.<sup>10</sup> Begitu juga dengan *saum dahr* (berpuasa setiap hari sepanjang tahun) bagi orang yang bimbang akan sebarang kemudaratan atau terluput daripada melakukan perkara sunat.
4. **Haram berpuasa.** Hukum ini terbahagi kepada dua bahagian:
  - i. Haram berpuasa tetapi sah jika berpuasa, iaitu puasa seorang isteri tanpa keizinan suaminya dan puasa seorang hamba tanpa keizinan tuannya.
  - ii. Haram berpuasa dan tidak sah jika berpuasa. Hal ini berlaku dalam lima bentuk:
    - Puasa pada Eidulfitri, iaitu 1 Syawwal
    - Puasa pada Eiduladha, iaitu 10 Zulhijjah
    - Puasa pada hari-hari Tashriq, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah<sup>11</sup>
    - Puasa pada separuh kedua bulan Sya'ban, iaitu bermula 16 hari bulan sehingga ke akhir bulan<sup>12</sup>
    - Puasa pada hari syak, iaitu pada 30 Sya'ban apabila orang ramai mula berbicara tentang melihat anak bulan atau ada orang yang tidak diterima saksi seperti wanita atau kanak-kanak mendakwa melihat anak bulan.

---

<sup>10</sup> Hal ini kerana hari Jumaat merupakan hari raya bagi umat Islam, manakala hari Sabtu merupakan hari raya bagi orang Yahudi dan hari Ahad merupakan hari raya bagi orang Nasrani. Jika seseorang berpuasa dua hari atau tiga hari daripada har-hari berkenaan, maka ia tidak makruh.

<sup>11</sup> Termasuklah orang yang menunaikan haji secara *tamattu'* yang tidak mempunyai haiwan untuk disembelih berdasarkan pendapat muktamad dalam *qa'ul jadiid*. Manakala dalam *qa'ul qadim* yang menjadi pilihan Imam al-Nawawi, puasanya harus jika dia tidak mempunyai haiwan untuk disembelih dan jika dia hendak menunaikan kaffarah

<sup>12</sup> Penterjemah: Jika tidak biasa (*mu'tad*) berpuasa sebelum 15 Sya'ban

## **Persoalan**

Bilakah diharuskan untuk berpuasa pada hari syak atau pada separuh kedua bulan Sya'ban?

Puasa pada tempoh berkenaan diharuskan dalam tiga keadaan berikut:

- i. Jika puasa tersebut wajib seperti puasa kerana qada atau kafarah atau nazar.
- ii. Jika puasa tersebut sudah menjadi kebiasaan bagi seseorang seperti puasa pada hari Isnin dan Khamis.
- iii. Jika puasa separuh kedua bulan Sya'ban tersebut disambungkan dengan sebelumnya, iaitu berpuasa pada 15 hari bulan Sya'ban. Jika sedemikian, harus untuk berpuasa pada 16 hari bulan. Jika berpuasa pada 16 hari bulan, maka harus untuk berpuasa pada 17 hari bulan dan begitulah seterusnya sehingga ke hujung bulan. Jika tidak berpuasa pada salah satu hari berkenaan, maka haram untuk berpuasa pada hari-hari berikutnya

# 3

## Syarat Sah Puasa & Syarat Wajib Puasa

### Syarat Sah Puasa

Puasa dikira sah sekiranya syarat-syarat berikut terpenuhi. Syarat tersebut ada empat:

- i. **Islam.** Orang yang berpuasa disyaratkan berterusan sebagai Muslim sepanjang hari. Jika seseorang murtad walau seketika pada hari tersebut, maka puasanya terbatal.
- ii. **Berakal.** Orang yang berpuasa disyaratkan berterusan berakal dan mumayyiz sepanjang hari. Jika seseorang gila atau hilang kewarasan walau seketika, maka puasanya terbatal. Adapun berkaitan pengsan dan mabuk, perinciannya akan dinyatakan dalam perkara-perkara yang membatalkan puasa kelak.
- iii. **Suci daripada haid dan nifas.** Perempuan yang berpuasa disyaratkan berterusan dalam keadaan suci sepanjang hari puasa. Jika haidnya keluar walaupun pada detik terakhir siang hari puasa, maka puasanya terbatal. Begitu juga jika haidnya terhenti pada siang hari Ramadhan, tetapi dia tetap disunatkan untuk *imsak* (menahan diri daripada makan dan minum).<sup>13</sup>

---

<sup>13</sup> Haram bagi perempuan yang haid dan nifas untuk berniat puasa ketika *imsak*, tetapi tidak wajib untuk berperilaku seperti orang yang tidak berpuasa hanya kerana tidak berniat.

- iv. Mengetahui waktu yang sah untuk berpuasa. Seseorang hendaklah mengetahui bahawa hari yang dia hendak berpuasa itu sah untuk ditunaikan ibadah puasa, iaitu hari tersebut bukanlah hari yang diharamkan puasa.

## Syarat Wajib Puasa

Hukum puasa menjadi wajib apabila syarat-syarat berikut terpenuhi. Syarat tersebut ada lima:

- i. **Islam.** Puasa tidak diperintahkan buat orang kafir dalam kehidupan dunia. Adapun orang murtad, dia wajib qada puasanya jika dia kembali memeluk agama Islam sebagai hukuman terhadapnya.
- ii. **Mukallaf.** Orang yang berpuasa mestilah baligh dan berakal. Adapun kanak-kanak, ibu bapa atau penjaganya wajib menyuruhnya untuk berpuasa ketika dia mencapai umur tujuh tahun. Manakala jika dia tidak berpuasa ketika mencapai umur sepuluh tahun tetapi mampu untuk berpuasa, mereka wajib memukulnya.
- iii. **Berkemampuan.** Orang yang berpuasa mestilah memiliki kemampuan dari segi fizikal dan syarak:
  - Kemampuan dari segi fizikal: Puasa tidak wajib bagi orang tua yang uzur dan orang sakit yang tidak mungkin akan sembuh.
  - Kemampuan dari segi syarak: Puasa tidak wajib bagi perempuan yang haid dan nifas.
- iv. **Sihat** : Puasa tidak wajib bagi orang yang sakit.<sup>14</sup> Kayu ukur sakit yang membenarkan untuk berbuka puasa ialah sakit yang dibimbangi boleh menyebabkan kematian, melambatkan sembuh atau menambahkan sakit. Inilah yang diistilahkan sebagai *Mahzhur al-Tayammum*.

---

<sup>14</sup> Wajib untuk berniat rukhsah tidak berpuasa bagi orang yang bermusafir, pesakit yang tiada harapan untuk sembuh dan orang yang terlalu lapar agar berbeza orang lain.

- v. Bermukim: Tidak wajib bagi orang yang bermusafir dengan perjalanan yang panjang (82 km) dan harus pada syarak. Untuk tidak berpuasa ketika bermusafir, disyaratkan untuk bermusafir sebelum terbit fajar.<sup>15</sup>

Pilihan yang afdal bagi orang yang bermusafir ialah berpuasa sekiranya puasa tersebut tidak membebankan dirinya. Akan tetapi, sekiranya puasa tersebut membebangkan dirinya, maka berbuka puasa lebih afdal.

---

<sup>15</sup> Wajib untuk berniat rukhsah tidak berpuasa bagi orang yang bermusafir, pesakit yang tiada harapan untuk sembuh dan orang yang terlalu lapar agar berbeza orang lain.



# 4

## Rukun-rukun Puasa

**Rukun Puasa ada dua:**<sup>16</sup>

**Rukun Pertama:** Niat, iaitu sama ada puasa fardu mahupun sunat. Hal ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ<sup>17</sup>

*Maksudnya: Sesungguhnya setiap amalan adalah berdasarkan niat*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Maka, wajib berniat puasa pada setiap hari berpuasa<sup>18</sup>.

---

<sup>16</sup> Sebahagian ulama menambah rukun yang ketiga, iaitu orang yang berpuasa.

<sup>17</sup> Tidak memadai bagi seseorang sekadar bersahur sekalipun tujuannya untuk menguatkan tubuh menerusi puasa dan tidak memadai juga sekadar menahan diri daripada makan atau minum sebelum fajar selagi konsep puasa dan perkara wajib yang berkaitan tidak digambarkan fikiran seperti berniat untuk menahan diri dan menentukan jenis puasa.

<sup>18</sup> Hal ini kerana setiap hari dikira ibadah yang berlainan, iaitu tidak cukup dengan hanya berniat sekali untuk berpuasa sebulan berdasarkan pandangan yang muktamad. Namun hukumnya sunat kerana ia mempunyai dua faedah: 1) Sah puasa atas mazhab Imam Malik bagi hari yang terlupa untuk diniatkan. 2) Diberikan pahala yang sempurna jika orang yang berniat puasa sebulan mati sebelum lengkap berpuasa sebulan kerana mengambil kira niatnya.

- ❖ Perbezaan antara niat puasa fardu dengan niat puasa sunat:

<b>NIAT PUASA FARDU</b>	<b>NIAT PUASA SUNAT</b>
1. Tempoh berniat bermula dari matahari terbenam dan berakhir apabila terbit fajar. Diwajibkan <i>tabyit</i> (berniat pada waktu malam). <sup>19</sup>	1. Tempoh berniat bermula dari matahari terbenam dan berakhir apabila gelincir matahari (masuk waktu zohor). Tidak wajib <i>tabyit</i> (berniat pada waktu malam).
2. Wajib menyatakan niat puasa Ramadhan atau puasa kerana kaffarah atau nazar atau qada. <sup>20</sup>	2. Tidak wajib menyatakan niat kecuali bagi puasa-puasa tertentu seperti puasa hari Arafah berdasarkan pandangan muktamad.
3. Tidak boleh menghimpunkan dua puasa fardu pada hari yang sama.	3. Boleh menghimpunkan dua puasa sunat atau lebih dalam satu niat.

Sah sekiranya seseorang berniat puasa sunat selepas terbit fajar dengan dua syarat:

1. Niat mestilah dilakukan sebelum gelincir matahari, iaitu sebelum masuk waktu zohor.
2. Tidak melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa bermula daripada terbit fajar sehingga masa berniat.

<sup>19</sup> Sekalipun bagi seorang kanak-kanak.

<sup>20</sup> Berdasarkan pandangan muktamad, niat fardu tidak wajib kerana puasa ini sememangnya wajib orang yang sudah baligh yang berakal.

❖ Niat yang sempurna:

Niat mestilah dilafazkan secara sedar dalam hati: “Sahaja aku berpuasa pada esok hari kerana menunaikan kefarduan bulan Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Taala.”

- **Permasalahan:** Apakah puasa sunat yang sah walaupun berniat selepas terbit matahari dan telah melakukan perkara yang membatalkan puasa sebelum berniat?
- **Jawapan permasalahan:** Jika kebiasaan seseorang untuk berpuasa pada hari-hari tertentu seperti puasa hari Isnin atau hari Arafah, kemudian dia makan kerana terlupa bahawa hari tersebut adalah hari yang biasanya dia berpuasa lalu dia teringat, maka sah baginya untuk berniat puasa sunat dengan syarat niat tersebut mesti dilafazkan sebelum masuknya waktu zohor.<sup>21</sup>

**Rukun Kedua: Meninggalkan semua perkara yang membatalkan puasa**, iaitu sama ada dalam keadaan sedar dan tidak dipaksa kecuali bagi orang jahil yang diuzurkan. Maka, tidak batal puasa bagi orang yang terlupa atau dipaksa berbuka atau orang jahil yang diuzurkan kejahlannya.

Jahil yang diuzurkan adalah satu daripada dua kategori berikut:

1. Seseorang yang tinggal berjauhan daripada alim ulama.
2. Seseorang yang baru memeluk agama Islam.

---

<sup>21</sup> Permasalahan ini disokong oleh sebahagian fuqaha tetapi Imam Ibnuu Qasim berkata: “Sesungguhnya puasanya tidak sah, dan ia termasuk daripada perkara-perkara yang tidak perlu dibahaskan lagi.”

Kewajipan berpuasa pada bulan Ramadhan:

Puasa pada bulan Ramadhan wajib dengan salah satu daripada lima perkara berikut:

- i. Dua daripadanya secara umum, iaitu wajib atas semua umat Islam jika waktu puasa telah dipastikan oleh pihak berkuasa.
- ii. Tiga daripadanya pula secara khusus, iaitu wajib bagi golongan tertentu seperti yang akan dinyatakan kelak.

Wajib berpuasa secara umum apabila:

1. Sempurna hari pada bulan Sya'ban sebanyak 30 hari.
2. Penampakan bulan disaksikan oleh orang yang dipercayai,<sup>22</sup> iaitu seseorang yang cukup syaratnya sebagai saksi. Syarat tersebut ialah lelaki, merdeka, rasional, bermaruah, waras, mampu bertutur, mampu mendengar, mampu melihat, tidak melakukan dosa besar, tidak melazimi dosa-dosa kecil dan sentiasa melakukan ketaatan.

Wajib berpuasa secara umum bermaksud:

Wajib berpuasa bagi setiap penduduk suatu tempat dan orang yang sama keadaan *matla'* (terbit dan terbenam matahari) menurut Imam al-Nawawi. Menurut Imam al-Rafi'i pula, wajib berpuasa bagi setiap penduduk yang tidak melebihi jarak perjalanan yang diharuskan *qasar* (82 km).

---

<sup>22</sup> Tidak disyaratkan '*adalah batinah*' iaitu diakui kepercayaannya oleh orang yang rapat dengannya, bahkan hanya memadai '*adalah zahirah*' iaitu dia tidak dikenali sebagai seorang yang fasik oleh orang awam.

Wajib berpuasa secara khusus pula ialah tiga perkara berikut:

1. Seseorang itu melihat anak bulan dengan jelas sekalipun dia adalah seorang fasik.
2. Ada perkhabaran tentang penampakan anak bulan. Terdapat penjelasan dalam isu ini: Wajib berpuasa jika orang yang mengkhabarkan tersebut *thiqah* (diperpercaya) sama ada pendengar mempercayainya ataupun tidak. Adapun jika orang yang mengkhabarkan tersebut tidak dipercaya, maka tidak wajib berpuasa kecuali jika pendengar mempercayainya.
3. Menyangka bahawa sudah masuk bulan Ramadhan dengan berijtihad atau seumpamanya seperti mendengar dentuman meriam atau melihat unggun api.<sup>23</sup>

Permasalahan berkaitan isu penampakan anak bulan:

- 1) Seorang berpuasa selama 30 hari menurut kata-kata orang yang dipercayainya, maka adakah dia boleh berbuka (tidak berpuasa) selepas berpuasa selama 30 hari sekalipun dia tidak melihat anak bulan?

**Jawapan:** Boleh berbuka secara sembunyi menurut Imam al-Ramli. Adapun menurut Imam Ibnu Hajar, tidak boleh berbuka kerana ia bukan hujah yang menepati syarak. Hal ini berbeza dengan perkhabaran orang yang adil yang menyebabkan dia berpuasa sebagai waspada, maka dalam isu ini, dia wajib *imsak* (menahan diri) kerana *Ihtiyat*.<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> Penterjemah: Pada zaman dahulu, dentuman meriam atau unggun api digunakan sebagai isyarat bagi masuknya bulan Ramadhan.

<sup>24</sup> Nota kaki: Penterjemah - (*Ihtiyat*)

*Ihtiyat* ialah menjaga atau memelihara diri dari terjatuh dalam perkara yang ditegah oleh Allah SWT atau meninggalkan perkara yang disuruh (perkara harus) ketika berlakunya ketidakpastian.

- 2) Jika seseorang yang tidak berpuasa bermusafir dari negerinya ke negeri lain pada akhir Sya'ban kerana tidak melihat anak bulan, kemudian mendapati penduduk negeri yang dituju itu berpuasa, maka apakah hukumnya? Atau sebaliknya, iaitu seseorang bermusafir dalam keadaan berpuasa kerana telah melihat anak bulan dan mendapati penduduk negeri yang dituju itu tidak berpuasa, maka apakah hukumnya?

**Jawapan:** Jika penduduk negeri itu berpuasa, maka wajib baginya untuk turut berpuasa. Manakala jika dia mendapati mereka tidak berpuasa, maka dia tidak perlu berpuasa menurut pandangan Imam al-Ramli. Namun menurut Imam Ibn Hajar, dia tidak dibenarkan berbuka kerana puasanya bergantung kepada penampakan anak bulan yang dilihat secara yakin, maka dia tidak boleh menyalahi hal tersebut hanya kerana telah tiba di negeri lain.

- 3) Jika seseorang yang sedang berpuasa bermusafir dari negerinya pada akhir Ramadhan kerana tidak melihat anak bulan Syawwal, lalu mendapati penduduk negeri itu tidak berpuasa, maka apakah hukumnya? Atau sebaliknya, iaitu dia bermusafir dalam keadaan tidak berpuasa kerana telah melihat anak bulan Syawwal, lalu mendapati penduduk negeri itu berpuasa, maka apakah hukumnya?

**Jawapan:** Dalam kedua-dua keadaan, wajib baginya untuk mengikuti status penduduk negeri tersebut kerana dia telah menjadi sebahagian daripada mereka.

## Perkara Sunat Ketika Puasa dan Ramadhan

### Perkara Sunat ketika Puasa dan Ramadhan:

1. Menyegerakan berbuka, iaitu jika meyakini matahari telah terbenam. Berbeza pula jika seseorang berasa syak, maka dia wajib berwaspada dengan melewatkannya waktu berbuka.
2. Bersahur sekalipun hanya dengan seteguk air.<sup>25</sup> Waktu sahur bermula pada pertengahan malam.
3. Melewatkannya sahur dengan syarat tidak terlalu lewat (menghampiri waktu-waktu akhir bersahur). Malah sunat menahan daripada makan dan minum sekitar kiraan bacaan 50 ayat al-Quran (lebih kurang 15 minit) sebelum terbit fajar.
4. Berbuka dengan *ruthab*<sup>26</sup> sebanyak bilangan yang ganjil. Diutamakan untuk berbuka dengan *ruthab*. Jika tiada *ruthab*, maka dengan *busr*.<sup>27</sup> Jika tiada *busr*, maka dengan tamar,<sup>28</sup> Jika tiada tamar, maka dengan air zamzam. Jika tiada air zamzam, maka dengan air. Jika tiada air, maka dengan *hulwu*. Jika tiada *hulwu*, maka dengan *halwa*.

---

<sup>25</sup> Hikmahnya: Memberi kekuatan kepada orang yang berpuasa serta menyalahi perbuatan ahli kitab. Maka disuntukkan (bersahur) juga kepada orang yang kenyang walaupun hanya dengan *ruthab* atau tamar seperti keadaan berbuka.

<sup>26</sup> Penterjemah: Kurma basah.

<sup>27</sup> Penterjemah: Kurma muda.

<sup>28</sup> Penterjemah: Kurma kering.

**Hulwu:** Manisan yang tidak terkena api seperti madu dan kismis.

**Halwa:** Manisan yang dimasak dengan api.

5. Berdoa ketika masuk waktu berbuka:

اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ. ذَهَبَ الظَّمَامُ، وَابْتَلَتِ  
الْعُرُوقُ وَثَبَتَ الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَانَنِي فَصُمْتُ وَرَزَقَنِي فَأَفْطَرْتُ.  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ الَّتِي وَسَعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرْ لِي<sup>29</sup>

*Maksudnya: Ya Allah untukMu puasaku, kepadaMu aku beriman dan dengan rezekiMu aku berbuka. Telah hilang dahagaku, telah basah urat leherku dan telah tetap pahala buatku, inshaAllah. Segala puji bagi Allah yang membantuku berpuasa dan memberikan rezeki kepadaku untuk berbuka. Ya Allah, aku memohon kepadaMu dengan rahmatMu yang meliputi segala sesuatu, ampunilah aku.*

Disamping itu, orang yang berbuka juga dianjurkan untuk berdoa apa sahaja yang dihajatinya.

6. Memberikan juadah berbuka kepada orang yang berpuasa. Perbuatan ini diberikan pahala yang besar.<sup>30</sup>
7. Mandi wajib sebelum masuk waktu fajar untuk keluar daripada khilaf supaya dapat berpuasa dalam keadaan suci.
8. Mandi pada setiap malam Ramadhan, iaitu selepas maghrib supaya bersiap siaga untuk menghidupkan malam dengan ibadah.

---

<sup>29</sup> Riwayat Abu Daud pada permulaan hadis, dan akhir hadis diriwayatkan oleh Ibnu al-Sunni.

<sup>30</sup> Berdasarkan hadith: "Sesiapa yang menjamu orang yang berbuka puasa, dia dikurniakan pahala seperti orang yang berpuasa itu tanpa berkurang pahala orang berpuasa itu walaupun sedikit." (Riwayat al-Tirmizi yang disahihkan oleh Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban).

9. Sentiasa konsisten menjaga solat tarawih bermula dari malam pertama hingga malam akhir. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Sesiapa yang menghidupkan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan baginya dosa-dosa yang terdahulu.”<sup>31</sup>

Menghidupkan Ramadhan yang dimaksudkan ialah mengerjakan solat tarawih.

10. Sentiasa menjaga solat witir. Solat witir pada bulan Ramadhan dikhatususkan dengan tiga perkara:

- i. Solat witir sunat dilaksanakan secara berjemaah.
- ii. Solat witir sunat dibaca secara *jahar* (nyaring).
- iii. Disunatkan membaca doa *qunut* bermula malam 16 Ramadhan sehingga akhir Ramadhan menurut pandangan yang muktamad.

11. Memperbanyak bacaan dan tadabbur al-Quran. Hal ini disebut dalam *athar*:

رمضان شهر القرآن

*Maksudnya : Ramadhan adalah bulan al-Quran.*

12. Memperbanyak amalan-amalan sunat seperti menuaikan solat sunat rawatib, solat sunat dhuha, solat sunat tasbih dan solat sunat *awwabin*.

13. Memperbanyak amalan-amalan soleh seperti bersedekah, bersilatulrahim, menghadiri majlis ilmu, beriktiakaf, menuaikan umrah, mengingati Allah SWT, iaitu dengan memelihara hati serta anggota badan dan berdoa dengan doa-doa yang *ma'thur*.

---

<sup>29</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

14. Memburu *Lailah al-Qadr*<sup>32</sup> pada sepuluh malam terakhir terutamanya pada malam-malam ganjil.
15. Berbuka puasa dengan makanan yang halal.
16. Bersedekah kepada ahli keluarga.
17. Meninggalkan perkara yang sia-sia dan perbuatan mencela. Sesiapa yang menghina orang yang lain, maka dia perlu ingat bahawa dirinya sedang berpuasa.<sup>33</sup>

Sebagai tambahan, Imam Abu Hamid al-Ghazali berpendapat bahawa ada tiga tingkatan orang yang berpuasa:

- i. Puasa umum (orang awam), iaitu dengan menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa.
- ii. Puasa khusus, iaitu menahan diri daripada perbuatan maksiat.
- iii. Puasa paling khusus, iaitu menahan diri (yakni hati dan fikiran daripada memikirkan) daripada selain Allah.

---

<sup>32</sup> Dinamakan *Lailah al-Qadr* kerana kemuliaan yang terdapat pada waktu tersebut lantaran Allah menetapkan takdir menurut kehendak-Nya pada malam tersebut. Malam ini juga antara keistimewaan yang dikurniakan bagi umat Nabi Muhammad SAW. Terdapat 40 pendapat tentang masa *Lailah al-Qadr* berlaku. Dalam hal ini, Imam al-Syafi'i cenderung berpendapat ia berlaku pada malam 21 dan 23. Manakala, jumhur ulama berpendapat ia berlaku pada malam 27 dan sebahagian yang lain berpendapat ia berlaku pada 10 malam terakhir Ramadhan. Hikmah malam ini diarahsikan adalah supaya umat Islam sentiasa menghidupkan semua malam pada bulan Ramadhan dengan ibadah. Antara keistimewaan malam tersebut ialah amalan yang dilakukan pada malam tersebut lebih baik daripada 1000 bulan yang tiada *Lailah al-Qadr*. Tanda-tanda kedatangan *Lailah al-Qadr* ialah waktu malamnya tidak terlalu panas atau sejuk, matahari yang terbit pada waktu pagi keesokannya berwarna putih dan kurang sinarannya kerana cahaya para malaikat yang naik ke langit dan turun ke bumi. Disunatkan bagi orang yang menyedari malam ini untuk menyembuyikannya dan menghidupkan waktu malam dan siangnya. Cara yang terbaik untuk menghidupkan *Lailah al-Qadr* ialah menghidupkan sepanjang malam tersebut dengan semua jenis ibadah seperti solat, membaca al-Quran, memperbanyak doa ini: ﴿اللَّهُ أَكْبَرُ عَفْوٌ حَبْلُ الْمَغْفِرَةِ فَاغْفِرْ عَنِي﴾ (Ya Allah, sesungguhnya Engku Maha Pengampun dan suka memberikan keampunan, maka berikanlah keampunan kepadaku.) Cara yang sederhana pula ialah menghidupkan kebanyakan malam tersebut dengan amalan yang telah dinyatakan tadi. Cara yang paling rendah pula ialah solat Isyak berjemaah dan berazam untuk menunaikan solat Subuh secara berjemaah juga.

<sup>33</sup> Mencegah diri daripada melakukan perkara yang boleh mencacatkan puasa. Disunatkan juga untuk mengingatkan diri dengan lisan-jika tidak bimbang berlaku riak-sebagai teguran kepada orang sekeliling dan sebagai suatu bentuk pencegahan dengan cara yang lebih baik.

# 6

## **Perkara Makruh Ketika Berpuasa**

### **Perkara Makruh Ketika Berpuasa**

Ada lapan perkara makruh ketika berpuasa:

1. Mengunyah sesuatu tanpa menelannya ke dalam rongga. Jika ia ditelan, maka puasa terbatal.
2. Merasa makanan tanpa menelannya. Jika terdapat keperluan untuk merasa makanan, maka tidak makruh untuk melakukannya.
3. Berbekam, iaitu mengeluarkan darah. Untuk keluar daripada khilaf, hukumnya makruh kerana ia melemahkan badan. Hukum membekam orang lain juga makruh sama seperti hukum berbekam ketika berpuasa.
4. Meluahkan air selepas berbuka, iaitu mengeluarkan air daripada mulut. Perbuatan ini menghilangkan keberkatan berpuasa.
5. Berendam ketika mandi walaupun mandi tersebut mandi wajib.
6. Bersugi setelah gelincir matahari kerana ia akan menghilangkan bau mulut. Menurut Imam al-Nawawi, perbuatan ini tidak makruh.

7. Terlalu kenyang, banyak tidur dan bergurau senda berkaitan perkara yang tidak berfaedah. Perbuatan sebegini menghilangkan pahala puasa.
8. Memuaskan syahwat yang harus melalui ciuman atau pandangan atau pendengaran.

## Perkara-perkara Yang Membatalkan Puasa

### Perkara Yang Membatalkan Puasa

Terbahagi kepada dua:

1. Perkara yang hanya membatalkan pahala puasa dan puasa tidak wajib untuk diganti. Ia dinamakan sebagai *muhibitat*.
2. Perkara yang membatalkan puasa dan pahalanya. Walaupun berlaku dengan sebab keuzuran, puasa wajib untuk diganti. Ia dinamakan sebagai *muftirat*.

**Bahagian pertama: *Muhibitat*** ada enam dan diketahui berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

كَمْ مِنْ صَابِرٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَالْعَطْشُ<sup>34</sup>

*Maksudnya: Betapa ramai orang yang berpuasa tetapi tidak mendapat apa-apa melainkan rasa lapar dan dahaga.*

1. Mengumpat, iaitu menyebut sesuatu perkara yang dibenci oleh saudara seislam walaupun ia benar.

---

<sup>34</sup> Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah.

2. Mengadu domba, iaitu menyebarkan berita dengan tujuan menimbulkan fitnah.
3. Menipu, iaitu menyatakan sesuatu yang tidak benar.
4. Melihat sesuatu yang diharamkan atau melihat sesuatu yang diharuskan dengan syahwat, iaitu berasa lazat melalui penglihatan.
5. Bersumpah atas penipuan.
6. Berkata buruk dan melakukan sesuatu perkara yang buruk. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ لَمْ يَدْعُ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ وَالْجَهْلُ  
فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ أَنْ يَدْعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ.<sup>35</sup>

*Maksudnya: Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan yang haram serta perlaku seperti perlakuan orang yang bodoh, maka Allah tidak memerlukan dia untuk meninggalkan makan dan minum.*

**Bahagian Kedua: Muftirat ada lapan:**

### **Perkara Pertama Yang Membatalkan Puasa: Murtad**

Iaitu meninggalkan Islam dengan niat atau perkataan atau perbuatan walaupun sedetik.

---

<sup>35</sup> Riwayat al-Bukhari.

## Perkara Kedua Yang Membatalkan Puasa: Haid, Nifas atau Wiladah

Mengalami haid, nifas atau wiladah pada waktu siang walaupun sedetik.

## Perkara Ketiga Yang Membatalkan Puasa: Gila

Gila walaupun sedetik.

## Perkara Keempat Yang Membatalkan Puasa: Pengsan dan mabuk sepanjang hari.

Jika seseorang pengsan pada sebahagian hari atau seseorang sedar dari pengsan walaupun sekejap, maka sah puasanya berdasarkan pendapat yang muktamad menurut Imam al-Ramli. Manakala, menurut Imam Ibn Hajar, batal puasa sekiranya pengsan atau mabuk secara sengaja walaupun sedetik. Pendapat lain pula mengatakan tidak batal puasa melainkan jika berlaku secara sengaja dan meliputi sepanjang waktu siang.

## Perkara Kelima Yang Membatalkan Puasa: Bersetubuh.

Jika seseorang bersetubuh<sup>36</sup> dengan sengaja dan mengetahui keharamannya dan melakukan dengan kehendak sendiri, maka batal puasanya. Jika puasa seseorang batal sehari penuh dalam bulan Ramadhan disebabkan persetubuhan yang sempurna dan berdosa kerananya,<sup>37</sup> maka akan berlaku lima perkara berikut kepadanya:

- a. Dosa.

---

<sup>36</sup> Walaupun pada dubur manusia atau pada kemaluan haiwan.

<sup>37</sup> Penyataan "Jika puasa seseorang batal buat sehari dalam bulan Ramadhan disebabkan persetubuhan sempurna dan berdosa kerananya," mengandungi lapan syarat wajib *kaffarah uzma* berikut:

1. Membatalkan puasa.
2. Berlaku pada bulan Ramadhan. Tidak wajib *kaffarah* sekiranya terbatal puasa selain puasa Ramadhan walaupun ia wajib.
3. Puasa yang batal tersebut sehari penuh. Tidak wajib *kaffarah* sekiranya mati atau gila sebelum terbenam matahari.
4. Puasa yang batal kerana bersetubuh. Tidak wajib *kaffarah* jika batal puasa selain sebab bersetubuh seperti makan terlebih dahulu kemudian bersetubuh.
5. Persetubuhan berlaku dengan sempurna, iaitu keseluruhan kepala zakar masuk ke dalam faraj. Tidak wajib *kaffarah* jika hanya sebahagian kepala zakar masuk ke dalam faraj dan puasa pun tidak batal.

- b. Wajib menahan diri (daripada makan dan minum seperti orang yang berpuasa).
- c. Wajib dikenakan hukuman *ta'zir* oleh pemerintah<sup>38</sup> kepada orang yang tidak bertaubat.
- d. Wajib qada puasa.
- e. Wajib menuaikan *kaffarah*, iaitu melaksanakan satu daripada tiga *kafarah* mengikut turutan. Seseorang tidak boleh memilih *kafarah* kedua melainkan sekiranya tidak mampu melakukan *kaffarah* yang pertama<sup>39</sup>
- f. Memerdekaan seorang hamba perempuan yang beragama Islam.<sup>40</sup>
- g. Berpuasa selama dua bulan berturut-turut.<sup>41</sup>

---

6. Berdosa kerana bersetubuh. Tidak wajib *kaffarah* bagi seseorang yang bersetubuh dengan isterinya pada siang hari bulan Ramadhan dalam keadaan bermusafir dengan perjalanan yang panjang dan harus.

7. Dosa tersebut berlaku kerana membatalkan puasa. Tidak wajib *kaffarah* sekiranya seseorang berzina dalam keadaan bermusafir kerana ia bukan disebabkan puasa meskipun dosanya tetap besar.

Terdapat satu syarat yang tidak disebut dalam penyataan ini:

8. Tiada syubhah. Tidak wajib *kaffarah* bagi seseorang yang bersetubuh kerana menyangka sudah masuk waktu malam.

<sup>38</sup> Hukuman atas kesalahan yang tiada hudud padanya dan tiada *kaffarah*. Hal ini tidak termasuk kesalahan yang ada hudud atau *kaffarah* yang tiada hukuman *ta'zir*.

<sup>39</sup> Makna tidak mampu memerdekaan hamba ialah tidak menjumpai hamba atau menjumpainya tetapi memerlukan duit untuk dirinya sendiri dan tanggungannya atau harga hamba lebih mahal daripada harga biasa. Selain itu, makna tidak mampu berpuasa dua bulan ialah menghadapi kesukaran untuk berpuasa pada dua bulan tersebut secara berterusan kerana mengalami nyanyuk atau sakit yang berterusan hampir dua bulan atau khuatir akan bertambah sakit atau datang syahwat bersetubuh dan selainnya yang menyebabkan kesukaran yang berat.

<sup>40</sup> Bebas daripada kecacatan yang menjelaskan kerja.

<sup>41</sup> Jika tidak berpuasa pada salah satu hari dalam tempoh ini kerana terdapat keuzuran seperti sakit, maka dia hendaklah bermula dengan kiraan yang baru. Dibolehkan meninggalkan puasa kerana haid, nifas, gila atau pengsan yang berpanjangan.

- h. Memberi makan kepada 60 orang miskin dan setiap seorang sebanyak secupak.<sup>42</sup>

*Kaffarah* ini wajib bagi lelaki dan tidak wajib bagi wanita.<sup>43</sup> *Kaffarah* ini bertambah dengan pertambahan hari persetubuhan.

### **Perkara Keenam yang Membatalkan Puasa: Sesuatu objek sampai melalui saluran terbuka sehingga ke rongga**

Kenyataan '**sesuatu objek sampai**' mengecualikan udara kerana ia tidak membatalkan puasa. Begitu juga dengan rasa dan bau yang tiada objek yang masuk ke dalam rongga.

Kenyataan '**saluran terbuka**' mengecualikan sesuatu objek yang masuk melalui saluran tertutup seperti minyak yang menyerap ke dalam liang-liang romah kulit. Semua rongga dikira terbuka kecuali mata menurut mazhab Imam al-Shaf'i. Begitu juga halnya dengan telinga menurut Imam al-Ghazali.<sup>44</sup>

Kenyataan '**sehingga ke rongga**' iaitu bahagian yang menerima makanan dan ubat seperti perut, atau bahagian yang menerima ubat sahaja seperti otak.

### **Permasalahan sesuatu objek sampai sehingga ke rongga**

- 1) Hukum mengambil suntikan, harus dalam keadaan darurat. Walau bagaimanapun, para ulama berselisih pendapat dalam perkara terbatalnya puasa:

---

<sup>42</sup> Jika gagal memberikan makanan, tanggungjawabnya berkekalan dan mesti dilaksanakan apabila mampu. Sebahagian ulama berpendapat bahawa tanggungjawab tersebut gugur.

<sup>43</sup> Puasa wanita terbatal hanya kerana perbuatan memasukkan sebahagian kepala zakar.

<sup>44</sup> Terbukti berdasarkan perubatan moden bahawa mata mempunyai saluran terbuka hingga ke rongga, manakala telinga tidak sedemikian.

- a. **Pendapat pertama:** Suntikan membatalkan puasa secara mutlak kerana suatu objek masuk ke bahagian dalam rongga.
- b. **Pendapat kedua:** Suntikan tidak membatalkan puasa secara mutlak kerana suatu objek masuk ke bahagian dalam rongga tanpa melalui saluran yang terbuka.
- c. **Pendapat ketiga:** Perlu diperincikan dan ini pandangan yang paling sahih. Sekiranya kandungan suntikan tersebut mengandungi nutrisi atau makanan, maka puasa terbatal. Sekiranya suntikan tidak mengandungi nutrisi, maka aspek berikut perlu dilihat:
  - i. Sekiranya suntikan dibuat pada bahagian berongga, iaitu saluran urat darah, maka puasa terbatal.
  - ii. Sekiranya suntikan dibuat pada otot, iaitu bahagian tidak berongga, maka puasa tidak terbatal.

## 2) Hukum Menelan Kahak

- a) Apabila kahak berada pada had zahir rongga mulut lalu ia ditelan, maka puasa batal.<sup>45</sup>
- b) Apabila kahak berada pada had batin lalu ia ditelan, maka puasa tidak batal.

Had zahir ialah makhraj (tempat keluar) huruf *kha'* (ຂ), manakala had batin pula ialah makhraj huruf *ha* (ຫ).

---

<sup>45</sup> Hal ini berlaku apabila kahak berada pada had zahir, lalu ia ditelan dan tidak mampu untuk diludah. Berbeza pula halnya apabila kahak itu mengalir dan tidak mampu untuk diludah, maka hal ini tidak membatalkan puasa. Begitu juga jika kahak tidak sampai pada had zahir.

Namun begitu, terdapat perbezaan pendapat berkenaan makhraj huruf *ha*(•). Menurut al-Nawawi, makhraj ini bermula pada had zahir, maka puasa batal jika kahak ditelan setelah sampai padanya. Manakala menurut al-Rafi'i, makhraj ini bermula pada had batin, maka puasa tidak batal jika kahak ditelan setelah sampai padanya.

### 3) Hukum Menelan Air Liur

Menelan air liur tidak membatalkan puasa kerana ia sukar untuk dikawal.<sup>46</sup> Hal ini berdasarkan tiga syarat berikut:

- a. Air liur tersebut jernih, iaitu tidak bercampur dengan bahan yang lain. Jika air liur yang ditelan bercampur dengan bahan lain seperti pewarna, maka batal puasa.<sup>47</sup>
- b. Air liur tersebut suci dan tidak bernajis.<sup>48</sup>
- c. Air liur tersebut berasal dari badan sendiri, iaitu lidah dan mulut. Sekiranya seseorang menelan air liur yang ada pada bibir luar, maka batal puasanya.

### 4) Hukum Air Masuk ke dalam Rongga ketika Mandi Tanpa Sengaja

- a. Jika mandi tersebut dituntut sama ada ia fardu seperti mandi junub, atau ia sunat seperti mandi sunat hari Jumaat, maka puasa tidak batal jika mandi dengan cara mengalirkan air, tetapi puasa batal jika mandi dalam keadaan berendam.<sup>49</sup>

<sup>46</sup> Meskipun seseorang sengaja mengumpulkan air liur di bawah lidahnya.

<sup>47</sup> Berdasarkan nas *Tuhfah al-Muhtaj*, orang yang mengalami gusi berdarah lalu dia tertelan air liurnya sedangkan keadaan itu sukar untuk diatasi, maka hal sebegini dimaafkan.

<sup>48</sup> Sekalipun ia jernih. Misalnya air liur yang menjadi najis kerana darah yang perlakan-lahan menjadi jernih tanpa menggunakan air biasa. Dalam hal ini, air liur dan mulut tetap bernajis meskipun ia kelihatan jernih, justeru wajib untuk dibasuh dengan air.

<sup>49</sup> Dalam *Hashiyah al-Bujayrimi 'ala al-Khatib*, puasa batal jika sudah terbiasa memasukkan air ke dalam rongga ketika mandi berendam. Jika tidak biasa sedemikian, maka puasa tidak batal.

- b. Jika mandi tersebut tidak dituntut seperti mandi untuk menyejukkan atau membersihkan badan, maka puasa batal jika air masuk ke dalam rongga walaupun tidak sengaja sama ada mandi dengan mengalirkan air atau berendam.
- 5) Hukum Tertelan Air Ketika Berkumur, begitu juga ketika *istinsyaq* (memasukkan air ke dalam hidung), justeru ada beberapa perincian yang berkaitan:
- a. Jika berkumur merupakan tuntutan syariat sama ada ketika berwuduk atau mandi wajib, maka ia bergantung kepada keadaan berikut:
    - Sekiranya tidak berkumur secara berlebih-lebihan, maka puasa tidak batal jika tertelan air.
    - Sekiranya berkumur secara berlebih-lebihan, maka puasa batal jika tertelan air kerana perbuatan tersebut makruh bagi orang yang berpuasa.
  - b. Jika berkumur bukan tuntutan syariat, seperti berkumur kali ke empat (ketika berwuduk) atau dilakukan bukan ketika berwuduk dan mandi wajib, maka puasa batal sekalipun tidak berlebih-lebihan.

## **Perkara Ketujuh Yang Membatalkan Puasa: *Istimna'* (Mengeluarkan Air Mani)**

*Istimna'* ialah mengeluarkan air mani sama ada dengan tangan sendiri atau tangan isteri atau dengan berfikir atau dengan melihat—yang kesemuanya dilakukan dalam keadaan orang tersebut tahu perbuatan tersebut boleh menyebabkan keluar air mani—atau meniarap. Jika berlaku salah satu daripada perkara tersebut, maka puasanya batal. Kesimpulan bagi perbahasan keluar air mani ini, ada keadaan yang membatalkan puasa dan keadaan yang tidak membatalkan puasa.

Keadaan yang membatalkan puasa ada dua:

- a. Air mani keluar dengan beronani, iaitu mengeluarkan air mani dengan apa-apa jua cara.
- b. Air mani keluar dengan menyentuh isteri secara langsung tanpa berlapik.

Keadaan yang tidak membatalkan puasa ada dua:

- a. Air mani keluar bukan dengan sentuhan seperti melihat atau berfikir
- b. Air mani keluar dengan sentuhan tetapi dengan berlapik.

Hukum mencium ketika berpuasa adalah haram jika ia menaikkan syahwat. Adapun jika ia tidak menaikkan syahwat,<sup>50</sup> hukumnya ialah *khilaf awla* dan tidak membatalkan puasa kecuali jika air mani keluar disebabkannya.

### **Perkara Kelapan Yang Membatalkan Puasa: Muntah dengan sengaja.**

Perbuatan ini membatalkan puasa walaupun sedikit. Muntah ialah makanan yang keluar melepas halkum setelah melaluinya termasuklah air walaupun rasa dan warnanya tidak berubah.

#### **Hukum Berkaitan Muntah**

Apabila seseorang muntah, mulutnya dianggap bernajis. Maka wajib untuk membasuh mulut dan berkumur secara berlebihan sehingga mencakupi kawasan had zahir mulut. Hal ini tidak membatalkan puasa jika air termasuk ke dalam rongga tanpa sengaja kerana menghilangkan najis adalah wajib.

---

<sup>50</sup> Hukum haram ini berkait dengan puasa wajib. Jika puasa sunat, ia tidak haram.

## Kategori Orang Yang Berbuka Puasa

Kategori orang yang berbuka<sup>51</sup> ada empat kesan hukum:

- a. **Perlu qada dan fidyah.** Terdapat dua golongan yang terlibat:
  - i. Tidak berpuasa kerana bimbang terhadap orang lain. Misalnya wanita hamil yang berbuka puasa kerana bimbang terhadap kandungannya dan wanita yang bimbang terhadap bayi yang disusukannya. Adapun jika seorang wanita berbuka kerana bimbang terhadap diri sendiri dan bayinya maka dia hanya perlu qada.<sup>52</sup>
  - ii. Orang yang melambatkan qada puasa Ramadhan tanpa sebarang keuzuran dan mampu berbuat sedemikian sehinggalah tiba Ramadhan yang seterusnya.<sup>53</sup>

Fidyah ialah denda sebanyak secupak makanan ruji tempatan bagi sehari yang ditinggalkan. Fidyah ini berterusan apabila tahun yang ditinggalkan itu berterusan.

- b. **Perlu qada tanpa bayar fidyah**  
Seperti orang yang pengsan, lupa niat dan berbuka puasa bukan kerana jimak.
- c. **Perlu bayar fidyah tanpa qada**  
Seperti orang tua dan orang sakit yang tidak akan sembah
- d. **Tidak perlu fidyah dan tidak perlu qada**  
Seperti orang yang hilang akal tanpa sengaja.

---

<sup>51</sup> Penterjemah : Tidak berpuasa atau membatalkan puasa.

<sup>52</sup> Hal ini berdasarkan kaedah: Apabila halangan dan tuntutan berhimpun, maka halangan mengatasi tuntutan.Maksudnya kerisauan terhadap diri sendiri dan anak adalah halangan bagi kewajipan fidyah, sedangkan kerisauan terhadap anak adalah tuntutan baginya. Oleh itu, dalam keadaan ini wanita mengandung atau wanita menyusu hanya perlu qada dan tidak perlu membayar fidyah.

<sup>53</sup> Yakni orang yang mampu qada pada tahun tersebut jika dia tidak bermusafir atau sakit. Jika dia melambatkan qada disebabkan keuzuran seperti musafir atau sakit atau menyusu atau lupa atau jahil, maka dia tidak perlu membayar fidyah.

## Golongan yang Wajib Qada dan Perlu *Imsak* sehingga Matahari Terbenam

Golongan yang wajib qada dan perlu *imsak* sehingga matahari terbenam ada enam:<sup>54</sup>

- a. Orang yang sengaja membatalkan puasa tanpa sebab.
- b. Orang yang meninggalkan niat pada waktu malam walaupun terlupa.<sup>55</sup>
- c. Orang yang bersahur dengan sangkaan masih malam padahal sudah siang.
- d. Orang yang berbuka dengan sangkaan sudah maghrib sedangkan belum masuk waktu.<sup>56</sup>
- e. Orang yang menyangka masih dalam 30 Syaaban sedangkan hari tersebut 1 Ramadhan.
- f. Orang yang menelan air pada perkara yang bukan tuntutan syarak ketika berkumur, *istinsyaq* (memasukkan air ke dalam hidung) dan mandi wajib.

## Keadaan Yang Tidak Membatalkan Puasa Apabila Memasukkan Sesuatu Objek Ke Dalam Rongga Melalui Saluran Yang Terbuka

Tujuh keadaan yang tidak membatalkan puasa apabila memasukkan sesuatu objek ke dalam rongga melalui saluran yang terbuka:

- a. Apabila terlupa

---

<sup>54</sup> Hal ini hanya terpakai pada bulan Ramadhan sahaja disebabkan kemuliaannya.

<sup>55</sup> Kerana kelupaannya menjadi petanda dia tidak mengambil berat dalam ibadah puasa.

<sup>56</sup> Jika sangkaannya didasari oleh ijtihad, maka bukanya tidak haram. Namun jika sangkaannya tidak didasari oleh ijtihad, maka bukanya haram kerana hukum asal ialah keadaan masih siang.

- b. Apabila tidak tahu ia membatalkan puasa. Kesalahan orang yang tidak tahu dimaafkan.
- c. Apabila dipaksa, iaitu dengan cukup syarat yang mengabsahkan paksaan tersebut<sup>57</sup>
- d. Air liur yang jernih dan bersih yang mengalir di celahan gigi<sup>58</sup>
- e. Apabila masuk debu jalanan
- f. Apabila masuk debu tepung dan seumpamanya
- g. Apabila lalat atau seumpamanya masuk ke dalamnya<sup>59</sup>

---

<sup>57</sup> Ditambah lagi satu syarat, iaitu hal tersebut terjadi bukan kerana nafsu peribadi tetapi kerana paksaan.

<sup>58</sup> Atau air liur yang tidak jernih atau tidak bersih atau sudah bercampur dengan unsur luar tetapi tidak mampu untuk dikeluarkan atau dibersihkan.

<sup>59</sup> Meskipun bagi seseorang yang membuka mulutnya dengan sengaja.

# 8

## Kepelbagai Isu Berkaitan Ibadah Puasa

### Pelbagai Isu berkaitan Puasa

- 1) Jika kanak-kanak mencapai akil baligh, orang yang bermusafir sudah bermukim dan orang yang sakit telah sembah dalam keadaan mereka berpuasa, mereka diharamkan berbuka puasa dan wajib *imsak*.
- 2) Jika seorang wanita telah suci daripada haid dan nifas, orang gila kembali waras, orang kafir memeluk Islam dan semuanya berlaku pada siang Ramadhan, maka mereka disunatkan untuk *imsak*.<sup>60</sup> Orang gila dan orang kafir tersebut tidak perlu qada.
- 3) Orang yang murtad perlu qada puasa yang ditinggalkan semasa dia murtad walaupun dia gila dalam tempoh tersebut.
- 4) Antara kesalahan besar yang berlaku ialah apabila azan subuh berkumandang, sebahagian pihak bersegera minum kerana meyakini dibolehkan minum selama azan berterusan. Perbuatan ini dilarang sama sekali dan sesiapa yang melakukannya maka puasanya terbatal dan wajib qada jika ia puasa wajib. Hal ini kerana muazzin tidak melaungkan azan kecuali selepas terbit fajar. Jika seseorang minum ketika azan, maksudnya dia minum setelah masuk waktu subuh. Semua ini berlaku disebabkan kejahilan dan tidak pula diharuskan oleh mana-mana ulama muktabar.

---

<sup>60</sup> Berhubung hal ini ada dua kaedah: 1. Sesiapa yang diharuskan untuk tidak berpuasa secara zahir dan batin, maka dia tidak diwajibkan *imsak*, sebaliknya hanya disunatkan; 2. Sesiapa yang diharamkan untuk tidak berpuasa secara zahir dan batin atau secara batin sahaja, maka dia diwajibkan *imsak*.

- 5) Orang yang mati sebelum qada puasa Ramadhan atau membayar kafarah, sedangkan dia mampu melakukannya ketika hidup,<sup>61</sup> maka ahli keluarga terdekatnya<sup>62</sup> diharuskan untuk berpuasa bagi pihaknya atau membayar kaffarah untuknya sebanyak secupuk sehari.
- 6) Harus berbuka puasa bagi puasa sunat walaupun tanpa keuzuran,<sup>63</sup> sedangkan hal sedemikian tidak boleh bagi puasa wajib sama ada puasa Ramadhan, qada atau nazar dan seumpamanya.
- 7) Haram untuk puasa *wisol* (berterusan), iaitu berpuasa sepanjang dua hari tanpa berbuka antara kedua-duanya.
- 8) Wajib qada puasa fardhu dengan segera jika berbuka puasa tanpa keuzuran. Wajib qada puasa fardhu walaupun secara beransur-ansur jika berbuka puasa kerana uzur seperti bermusafir, sakit atau terlupa niat.
- 9) Jika orang yang berpuasa dilihat sedang makan sedangkan zahirnya dia orang yang bertaqwa, maka sunat untuk mengingatkannya. Jika zahirnya dia orang yang meremehkan perintah Allah, maka wajib untuk mengingatkannya.

---

<sup>61</sup> Jika si mati itu tidak mampu, iaitu seperti mati sejurus selepas diwajibkan qada, atau keuzurannya berterusan sehingga mati, atau bermusafir atau sakit pada 1 Syawal sehingga hingga mati, maka dia tidak perlu bayar fidyah dan tidak perlu qada kerana ketidakmampuannya. Semua ini jika dia tidak melampaui dalam meninggalkan puasa. Jika sebaliknya, fidyah dan qada wajib dilunaskan bagi pihaknya.

<sup>62</sup> Meskipun bukan warisnya.

<sup>63</sup> Tetapi hal ini makruh dan disunatkan untuk qada.

# RISALAH FIQH PUASA

TERJEMAHAN DARIPADA KITAB  
**AL-TAQRIRAT AL-SADIDAH**  
**FI AL-MASAIL AL-MUFIDAH**

*Karangan*  
**SYEIKH HASSAN BIN MUHAMMAD  
BIN AHMAD ALKAF**



ISBN 978-626-96889-1-4



9786269688914